



KAMUS SKU

PELAN STRATEGIK

POLITEKNIK KOTA KINABALU

2021 – 2025

PKK AspirasiKKU

Rujukan :

Buku Pelan Strategik Politeknik Kota Kinabalu
Cetakan Pertama : 2021
ISBN 978-967-2301-20-2

Diterbitkan oleh:


POLITEKNIK KOTA KINABALU
No.4 Jalan Politeknik, KKIP Barat
Kota Kinabalu Industrial Park
88460 Kota Kinabalu, Sabah

ISI KANDUNGAN


| | |
|---|---------|
| Visi, Misi & Matlamat Strategik | 5 |
| Senarai Pemegang Sasaran Kerja Utama (SKU) | 7 |
| | |
| Kamus PSPKK | 11 - 63 |
| Misi 1 | 12 - 28 |
| Memperkasa strategi dan inisiatif bagi melonjak Politeknik Kota Kinabalu ke arah kecemerlangan bakat TVET | |
| | |
| Matlamat Strategik 1 (MS 1) : Menghasilkan graduan holistik, seimbang dan berciri keusahawanan | 13 - 22 |
| | |
| Objektif Strategik 1 (OS 1) : Menghasilkan graduan mempunyai kebolehpasaran tinggi | |
| • SKU 1 : Peratusan kebolehpasaran graduan pada tahun konvokesyen | 13 |
| • SKU 2 : Peratusan pelajar lulus penuh dan tamat dalam tempoh (GOT) | 14 |
| • SKU 3 : Peratusan graduan yang tamat pengajian dengan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) 3.5 dan ke atas | 15 |
| • SKU 4 : Peratusan pelajar yang diserap/ditawarkan bekerja selepas tamat latihan industri/WBL di syarikat yang sama | 16 |
| • SKU 5 : Skor tahap kepuasan majikan terhadap graduan yang bekerja | 17 |
| | |
| Objektif Strategik 2 (OS 2) : Menambahbaik ekosistem keusahawanan | |
| • SKU 6 : Peratusan graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian dalam tempoh 12 bulan | 18 |
| • SKU 7 : Peratusan pelajar yang menjalankan projek keusahawanan | 19 |
| | |
| Objektif Stategik 3 (OS 3) : Membangun graduan TVET warga global | |
| • SKU 8 : Peratusan pelajar mencapai kejayaan di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa | 20 |
| • SKU 9 : Bilangan program sukarelawan pelajar yang melibatkan institusi atau komuniti | 21 |
| • SKU 10 : Bilangan jaringan/program aktviti kolaborasi di peringkat antarabangsa | 22 |
| | |
| Matlamat Strategik 2 (MS 2) : Memperkayakan bakat warga TVET | 23 - 28 |
| | |
| Objektif Strategik 4 (OS 4) : Melahirkan warga PKK yang efektif melalui program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensif | |
| • SKU 11 : Peratusan pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi yang memiliki kemahiran industri | 23 |
| • SKU 12 : Bilangan pensyarah yang dilantik sebagai Pensyarah Rujukan Pembinaan Item Penilaian (PRiP) mengikut program pengajian | 24 |
| • SKU 13 : Bilangan program kepimpinan yang dilaksanakan untuk staf PKK | 26 |
| • SKU 14 : Bilangan program kepimpinan yang dilaksanakan untuk pelajar | 27 |
| • SKU 15 : Bilangan anugerah staf yang mencapai kejayaan/pengiktirafan di peringkat kebangsaan / antarabangsa | 28 |


| | |
|--|----------------|
| Misi 2 | 29 – 49 |
| Memacu penjenamaan semula TVET menjadi pilihan utama | |
| Matlamat Strategik 3 (MS 3) : Menerajui sistem pendidikan abad ke-21 | 30 – 38 |
| Objektif Strategik 5 (OS 5) : Mentransformasi program pengajian menepati permintaan industri | |
| • SKU 16 : Bilangan video PdP yang dihasilkan | 30 |
| • SKU 17 : Bilangan eBook yang dihasilkan | 31 |
| • SKU 18 : Bilangan kursus yang mengaplikasikan <i>immersive learning</i> | 32 |
| • SKU 19 : Peratusan pelajar yang terlibat dengan program kompetensi/ kemahiran/ profesional/ kecekapan yang mendapat pengiktirafan pihak industri/ badan profesional. | 33 |
| • SKU 20 : Bilangan dialog industri yang dilaksanakan dalam tahun semasa | 34 |
| Objektif Strategik 6 (OS 6) : Meningkatkan keberkesanan mekanisma penyampaian | |
| • SKU 21 : Pencapaian penarafan <i>learning spaces</i> | 35 |
| • SKU 22 : Peratusan keluasan liputan rangkaian internet di PKK | 36 |
| • SKU 23 : Bilangan <i>collaborative & innovative learning classroom setting</i> | 37 |
| Objektif Strategik 7 (OS 7) : Mendapat pengiktirafan daripada badan-badan yang diiktiraf di peringkat kebangsaan atau antarabangsa | |
| • SKU 24 : Bilangan pengiktirafan / anugerah daripada badan / agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa | 38 |
| Matlamat Strategik 4 (MS 4) : Memperluaskan akses dan kepelbagaiannya program PSH | 39 – 40 |
| Objektif Strategik 8 (OS 8) : Memastikan sumbangan signifikan kepada negara dan komuniti | |
| • SKU 25 : Bilangan penyertaan program PSH di institusi | 39 |
| • SKU 26 : Peratusan penyertaan PSH bagi program bercirikan Revolusi Industri Keempat (4IR) | 40 |
| Matlamat Strategik 5 (MS 5) : Memperluaskan akses dan kepelbagaiannya program PSH | 41 - 49 |
| Objektif Strategik 9 (OS 9) : Melestarikan penyelidikan dan inovasi | |
| • SKU 27 : Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan (<i>solution provider</i>) | 41 |
| • SKU 28 : Bilangan kertas penyelidikan warga institusi yang diterbitkan | 42 |
| • SKU 29 : Bilangan penyelidikan / inovasi yang mendapat anugerah / pengiktirafan | 43 |
| • SKU 30 : Bilangan aplikasi inovasi yang mendapat perlindungan harta intelek | 44 |
| • SKU 31 : Bilangan seminar / persidangan peringkat kebangsaan / antarabangsa yang dianjurkan / pengjuran bersama institusi lain | 45 |
| Objektif Strategik 10 (OS 10) : Pencapaian Centre of Technology (COT) | |
| • SKU 32 : Skor markah pencapaian COT bagi <i>Collaboration</i> | 46 |
| • SKU 33 : Skor markah pencapaian COT bagi <i>Research & Innovation, Expert Services</i> | 47 |
| • SKU 34 : Skor markah pencapaian COT bagi <i>Publication, Recognition</i> | 48 |
| • SKU 35 : Skor markah pencapaian COT bagi <i>Teaching & Learning, Income Generation</i> | 49 |

| | |
|---|----------------|
| Misi 3 Memantapkan kecemerlangan institusi selaras dengan perubahan semasa | 50 – 63 |
| Matlamat Strategik 6 (MS 6) : Mengukuhkan kecekapan sistem | 51 – 59 |
| Objektif Strategik 11 (OS 11) : Memperkasa institusi berpacuan 4IR | |
| • SKU 36 : Bilangan aktiviti <i>lean management</i> di institusi | 51 |
| • SKU 37 : Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial rasmi institusi | 52 |
| • SKU 38 : Bilangan pelaporan success story PKK | 53 |
| • SKU 39 : Skor tahap kepuasan pekerja terhadap institusi | 54 |
| • SKU 40 : Skor tahap kepuasan pelajar terhadap kemudahan, fasiliti dan perkhidmatan PKK | 55 |
| Objektif Strategik 12 (OS 12) : Memperkuatkan jaringan antara industri | |
| • SKU 41 : Peratusan prestasi perbelanjaan mengurus bagi tahun semasa | 56 |
| • SKU 42 : Peratusan prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh 7 hari selepas dokumen lengkap diterima | 57 |
| • SKU 43 : Peratusan prestasi perbelanjaan bagi waran Peruntukan Pembangunan (P64) | 58 |
| • SKU 44 : Peratusan semakan aset alih kerajaan bagi tahun semasa | 59 |
| Matlamat Strategik 7 (MS 7) : Mengukuhkan jaringan kolaborasi aktif | 60 – 63 |
| Objektif Strategik 13 (OS 13) : Memperkuatkan jaringan antara industri | |
| • SKU 45 : Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi | 60 |
| • SKU 46 : Bilangan jam bersama <i>CEO Faculty</i> | 62 |
| Objektif Strategik 14 (OS 14)[Memperkuatkan hubungan dengan alumni] | |
| • SKU 47 : Bilangan program atau aktiviti yang melibatkan alumni dan persatuan alumni | 63 |



VISI, MISI & MATLAMAT STRATEGIK





SENARAI PEMEGANG SKU

VISI:

Menjadi institusi kecemerlangan bakat TVET secara holistik dan mampan

| MISI | MATLAMAT STRATEGIK (MS) | OBJEKTIF STRATEGIK (OS) | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) |
|--|---|---|--|
| MISI 1 Memperkasa strategi dan inisiatif bagi melonjak Politeknik Kota Kinabalu ke arah kecemerlangan bakat TVET | MS 1 Menghasilkan graduan holistik, seimbang dan berciri keusahawanan | OS 1 Menghasilkan graduan mempunyai kebolehpasaran tinggi | <p>1 Peratusan kebolehpasaran graduan pada tahun konvokesyen [PIC: Unit CISEC]</p> <p>2 Peratusan pelajar lulus penuh dan tamat dalam tempoh (GOT) [PIC: Unit Peperiksaan]</p> <p>3 Peratusan graduan yang tamat pengajian dengan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) 3.5 dan ke atas [PIC: Unit Peperiksaan]</p> <p>4 Peratusan pelajar yang diserap / ditawarkan bekerja selepas tamat latihan industri / WBL di syarikat yang sama [PIC: UPLI]</p> <p>5 Skor tahap kepuasan majikan terhadap graduan yang bekerja [PIC: UPIK]</p> |
| | | OS 2 Menambahbaik ekosistem keusahawanan | <p>6 Peratusan graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian dalam tempoh 12 bulan [PIC: Unit Keusahawanan]</p> <p>7 Peratusan pelajar yang menjalankan projek keusahawanan [PIC: Unit Keusahawanan]</p> |
| | | OS 3 Membangun graduan TVET warga global | <p>8 Peratusan pelajar mencapai kejayaan di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa [PIC: JHEP]</p> <p>9 Bilangan program sukarelawan pelajar yang melibatkan institusi atau komuniti [PIC: Unit Kesukarelawan]</p> <p>10 Bilangan jaringan / program aktiviti kolaborasi di peringkat antarabangsa [PIC: Unit Pengantarabangsaan]</p> |
| | MS 2 Memperkayakan bakat warga TVET | OS 4 Malahirkan warga PKK yang efektif melalui program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensif | <p>11 Peratusan pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi yang memiliki kemahiran industri [PIC: ULPL]</p> <p>12 Bilangan pensyarah yang dilantik sebagai Pensyarah Rujukan Pembinaan Item Penilaian (PRiP) mengikut program pengajian [PIC: Unit Peperiksaan]</p> <p>13 Bilangan program kepimpinan yang dilaksanakan untuk staf PKK [PIC: ULPL]</p> <p>14 Bilangan program kepimpinan yang dilaksanakan untuk pelajar [PIC: JHEP]</p> <p>15 Bilangan anugerah staf yang mencapai kejayaan / pengiktirafan di peringkat kebangsaan / antarabangsa [PIC: UKK]</p> |

| MISI | MATLAMAT STRATEGIK (MS) | OBJEKTIF STRATEGIK (OS) | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | |
|---|---|---|---------------------------|--|
| MISI 2 Memacu penjenamaan semula TVET menjadi pilihan utama | MS 3 Menerajui sistem pendidikan abad ke-21 | OS 5 Mentransformasi program pengajaran menepati permintaan industri | 16 | Bilangan video PdP yang dihasilkan [PIC: UIDM] |
| | | | 17 | Bilangan eBook yang dihasilkan [PIC: UIDM] |
| | | | 18 | Bilangan kursus yang mengaplikasikan <i>immersive learning</i> [PIC: UIDM] |
| | | | 19 | Peratusan pelajar yang terlibat dengan program kompetensi/ kemahiran/ profesional/ kecekapan yang mendapat pengiktirafan pihak industri/ badan profesional. [PIC: Jabatan Akademik (Induk)] |
| | | | 20 | Bilangan dialog industri yang dilaksanakan dalam tahun semasa [PIC : Unit CISEC] |
| | | OS 6 Meningkatkan keberkesanan mekanisma penyampaian | 21 | Pencapaian penarafan <i>learning spaces</i> [PIC: UIDM] |
| | | | 22 | Peratusan keluasan liputan rangkaian internet di PKK [PIC: UICT] |
| | | | 23 | Bilangan <i>collaborative & innovative learning classroom setting</i> [PIC: UIDM] |
| | | OS 7 Mendapat pengiktirafan daripada badan-badan yang diiktiraf di peringkat kebangsaan atau antarabangsa | 24 | Bilangan pengiktirafan / anugerah daripada badan / agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa [PIC: UJK] |
| | | MS 4 Memperluaskan akses dan kepelbagaian program PSH | 25 | Bilangan penyertaan program PSH di institusi [PIC: ULPL] |
| | | | 26 | Peratusan penyertaan PSH bagi program bercirikan Revolusi Industri Keempat (4IR) [PIC: ULPL] |
| MS 5 Memantapkan penyelidikan gunaan dan inovasi | | OS 8 Memastikan sumbangan signifikan kepada negara dan komuniti | 27 | Bilangan produk inovasi yang diaplikasikan (<i>solution provider</i>) [PIC: UPIK] |
| | | | 28 | Bilangan kertas penyelidikan warga institusi yang diterbitkan [PIC: UPIK] |
| | | | 29 | Bilangan penyelidikan / inovasi yang mendapat anugerah / pengiktirafan [PIC: UPIK] |
| | | | 30 | Bilangan aplikasi inovasi yang mendapat perlindungan harta intelek [PIC: UPIK] |
| | | | 31 | Bilangan seminar / persidangan peringkat kebangsaan / antarabangsa yang dianjurkan / penganjuran bersama institusi lain [PIC: UPIK] |


| MISI | MATLAMAT STRATEGIK (MS) | OBJEKTIF STRATEGIK (OS) | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | |
|---|--|---|---------------------------|---|
| MISI 2 Memacu penjenamaan semula TVET menjadi pilihan utama | MS 5 Memantapkan penyelidikan gunaan dan inovasi | OS 10 Pencapaian Centre of Technology (COT) | 32 | Skor markah pencapaian COT bagi Collaboration [PIC: Unit COT] |
| | | | 33 | Skor markah pencapaian COT bagi Research & Innovation, Expert Services [PIC: Unit COT] |
| | | | 34 | Skor markah pencapaian COT bagi Publication, Recognition [PIC: Unit COT] |
| | | | 35 | Skor markah pencapaian COT bagi Teaching & Learning, Income Generation [PIC: Unit COT] |

| MISI | MATLAMAT STRATEGIK (MS) | OBJEKTIF STRATEGIK (OS) | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | |
|--|--|--|---------------------------|--|
| MISI 3 Memantapkan kecemerlangan institusi selaras dengan perubahan semasa | MS 6 Mengukuhkan kecekapan sistem | OS 11 Memperkasa institusi berpacuan 4IR | 36 | Bilangan aktiviti lean management di institusi [PIC: TPSA] |
| | | | 37 | Bilangan program / aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial rasmi institusi [PIC: UKK] |
| | | | 38 | Bilangan pelaporan success story PKK [PIC: UKK] |
| | | | 39 | Skor tahap kepuasan pekerja terhadap institusi [PIC: UPPsi] |
| | | | 40 | Skor tahap kepuasan pelajar terhadap kemudahan, fasiliti dan perkhidmatan PKK [PIC: UJK] |
| | | OS 12 Memperkuatkan pengurusan kewangan yang cekap, berhemah dan mampu | 41 | Peratusan prestasi perbelanjaan mengurus bagi tahun semasa [PIC: Unit Kewangan] |
| | | | 42 | Peratusan prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh 7 hari selepas dokumen lengkap diterima [PIC: Unit Kewangan] |
| | | | 43 | Peratusan prestasi perbelanjaan bagi waran Peruntukan Pembangunan (P64) [PIC: Unit Kewangan] |
| | | | 44 | Peratusan semakan aset alih kerajaan bagi tahun semasa [PIC: Unit Pengurusan Aset & Stor] |
| | | | 45 | Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi [PIC: Unit CISEC] |
| MISI 3 Memantapkan kecemerlangan institusi selaras dengan perubahan semasa | MS 7 Mengukuhkan jaringan kolaborasi aktif | OS 13 Memperkuatkan jaringan antara industri | 46 | Bilangan jam bersama CEO Faculty [PIC: Unit CISEC] |
| | | | 47 | Bilangan program atau aktiviti yang melibatkan alumni dan persatuan alumni [PIC: JHEP] |

KAMUS SKU PSPKK 2021-2025

MISI 1:

MEMPERKASA STRATEGI DAN INISIATIF BAGI MELONJAK POLITEKNIK KOTA KINABALU KE ARAH KECEMERLANGAN BAKAT TVET



MISI 1 : MEMPERKASA STRATEGI DAN INISIATIF BAGI MELONJAK POLITEKNIK KOTA KINABALU KE ARAH KECEMERLANGAN BAKAT TVET

| | |
|---------------------------------------|--|
| Matlamat Strategik 1 | Menghasilkan graduan holistik, seimbang dan berciri keusahawanan |
| Objektif Strategik 1 | Menghasilkan graduan mempunyai kebolehpasaran tinggi |
| Keberhasilan | Graduan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Unit Industri Korporat & Kebolehpasaran (Pegawai Tracer Study) |
| Tanggungjawab Bersama | Jabatan Akademik |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|---|---------------------|------|------|------|------|------|
| 1 | Peratusan kebolehpasaran graduan pada tahun konvokesyen | 85% (tahunan) | 85% | 85% | 85% | 85% | 85% |

Definisi Operasi:

SKU ini merujuk kepada kebolehpasaran graduan yang berstatus:

- i. Bekerja termasuk sebagai usahawan; atau,
- ii. Sedang melanjutkan pengajian; atau,
- iii. Sedang mengikuti latihan untuk meningkatkan kemahiran; atau,
- iv. Graduan yang sedang menunggu penempatan pekerjaan.

Kaedah Pengukuran:

$$\text{Formula} = \frac{\text{Jumlah (i + ii + iii + iv) semasa tempoh kajian}}{\text{Jumlah keseluruhan responden dalam kajian pengesanan graduan semasa tempoh kajian}} \times 100\%$$

Dokumen Bukti:

Laporan Kajian Pengesanan Graduan Politeknik.

MISI 1 : MEMPERKASA STRATEGI DAN INISIATIF BAGI MELONJAK POLITEKNIK KOTA KINABALU KE ARAH KECEMERLANGAN BAKAT TVET

| | |
|---------------------------------------|--|
| Matlamat Strategik 1 | Menghasilkan graduan holistik, seimbang dan berciri keusahawanan |
| Objektif Strategik 1 | Menghasilkan graduan mempunyai kebolehpasaran tinggi |
| Keberhasilan | Graduan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Unit Peperiksaan (Ketua Unit Peperiksaan) |
| Tanggungjawab Bersama | Jabatan Akademik |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|--|---------------------|------|------|------|------|------|
| 2 | Peratusan pelajar lulus penuh dan tamat dalam tempoh (GOT) | 77% (tahunan) | 77% | 77% | 77% | 77% | 77% |

Definisi Operasi:

SKU ini menyasarkan pengumpulan data bagi mengukur peratusan pelajar yang lulus penuh dan tamat dalam tempoh reka bentuk sesebuah program. Program pengajian yang diambil kira adalah program formal (sepenuh masa).

Kaedah Pengukuran:

$$\text{Formula} = \frac{\text{Bilangan pelajar ambilan 2018 yang tamat pada tahun 2021}}{(\text{Bilangan pelajar ambilan tahun 2018}) - (\text{Bilangan keciciran* dari tahun 2018 hingga 2021})} \times 100\%$$

* Bilangan keciciran adalah pelajar yang bertukar ke institusi lain, atau mohon berhenti pengajian atas pelbagai sebab (contohnya bekerja dan sebagainya), atau meninggal dunia (lain-lain) atau mendapat status Gagal dan diBerhentikan (GB).

Dokumen Bukti:

Jadual Pengiraan GOT Politeknik.

MISI 1: MEMPERKASA STRATEGI DAN INISIATIF BAGI MELONJAK POLITEKNIK KOTA KINABALU KE ARAH KECEMERLANGAN BAKAT TVET

| | |
|---|--|
| Matlamat Strategik 1 | Menghasilkan graduan holistik, seimbang dan berciri keusahawanan |
| Objektif Strategik 1 | Menghasilkan graduan mempunyai kebolehpasaran tinggi |
| Keberhasilan | Graduan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Unit Peperiksaan (Ketua Unit Peperiksaan) |
| Tanggungjawab Bersama | Jabatan Akademik |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|---|---------------------|------|------|------|------|------|
| 3 | Peratusan graduan yang tamat pengajian dengan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) 3.5 dan ke atas | 10% (tahunan) | 10% | 10% | 10% | 10% | 10% |

Definisi Operasi:

SKU ini menyasarkan pengumpulan data graduan yang mendapat Anugerah Pingat Ketua Jabatan pada konvokesyen dalam tahun semasa.

Kaedah Pengukuran:

$$\text{Formula} = \frac{\text{Bilangan graduan tamat dengan mendapat HPNM 3.5 ke atas}}{\text{Jumlah keseluruhan graduan}} \times 100\%$$

Dokumen Bukti:

Laporan Statistik Pelajar Semester Akhir.

MISI 1 : MEMPERKASA STRATEGI DAN INISIATIF BAGI MELONJAK POLITEKNIK KOTA KINABALU KE ARAH KECEMERLANGAN BAKAT TVET

| | |
|---------------------------------------|--|
| Matlamat Strategik 1 | Menghasilkan graduan holistik, seimbang dan berciri keusahawanan |
| Objektif Strategik 1 | Menghasilkan graduan mempunyai kebolehpasaran tinggi |
| Keberhasilan | Graduan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Unit Perhubungan & Latihan Industri (Ketua Unit Perhubungan & Latihan Industri) |
| Tanggungjawab Bersama | Jabatan Akademik |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|--|---------------------|------|------|------|------|------|
| 4 | Peratusan pelajar yang diserap / ditawarkan bekerja selepas tamat latihan industri / WBL di syarikat yang sama | 30% (terkumpul) | 20% | 23% | 25% | 28% | 30% |

Definisi Operasi:

SKU ini menasarkan pengumpulan data pelajar latihan industri (LI) atau work based learning (WBL) yang diserap atau ditawarkan untuk bekerja di syarikat yang sama selepas tamat LI / WBL.

Kaedah Pengukuran:

$$\text{Formula} = \frac{\text{Bilangan pelajar diserap atau ditawarkan bekerja selepas LI / WBL}}{\text{Jumlah pelajar menjalani LI / WBL dalam sesi semasa}} \times 100\%$$

Dokumen Bukti:

Laporan Analisis Soal Selidik Programme Exit Survey (PES).

MISI 1 : MEMPERKASA STRATEGI DAN INISIATIF BAGI MELONJAK POLITEKNIK KOTA KINABALU KE ARAH KECEMERLANGAN BAKAT TVET

| | |
|---|--|
| Matlamat Strategik 1 | Menghasilkan graduan holistik, seimbang dan berciri keusahawanan |
| Objektif Strategik 1 | Menghasilkan graduan mempunyai kebolehpasaran tinggi |
| Keberhasilan | Graduan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Unit Penyelidikan, Inovasi & Komersialan (Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi & Komersialan) |
| Tanggungjawab Bersama | Pegawai Alumni |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|---|---------------------|------|------|------|------|------|
| 5 | Skor tahap kepuasan majikan terhadap graduan yang bekerja | 4.4 (terkumpul) | 4.2 | - | 4.3 | - | 4.4 |

Definisi Operasi:

SKU ini merujuk kepada maklumat kajian kepuasan majikan terhadap graduan politeknik selepas 3 – 5 tahun bergraduat. Kajian ini dilaksanakan 2 tahun sekali.

Kaedah Pengukuran:

Merujuk kepada skala likert berikut:

- 1.00 - 1.50 Sangat Rendah
- 1.51 - 2.50 Rendah
- 2.51 - 3.50 Sederhana
- 3.51 - 4.50 Tinggi
- 4.51 - 5.00 Sangat Tinggi

Dokumen Bukti:

Laporan Kajian Kepuasan Majikan.

MISI 1 : MEMPERKASA STRATEGI DAN INISIATIF BAGI MELONJAK POLITEKNIK KOTA KINABALU KE ARAH KECEMERLANGAN BAKAT TVET

| | |
|---|--|
| Matlamat Strategik 1 | Menghasilkan graduan holistik, seimbang dan berciri keusahawanan |
| Objektif Strategik 2 | Menambahbaik ekosistem keusahawanan |
| Keberhasilan | Graduan memiliki ciri-ciri keusahawanan yang berdaya saing |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Unit Keusahawanan (Ketua Unit Keusahawanan) |
| Tanggungjawab Bersama | Jabatan Akademik |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|---|---------------------|------|------|------|------|------|
| 6 | Peratusan graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian dalam tempoh 12 bulan | 6% (tahunan) | 6% | 6% | 6% | 6% | 6% |

Definisi Operasi:

SKU ini merujuk kepada peratusan graduan yang menjadi usahawan atau berkerja sendiri selepas menamatkan pengajian (6 hingga 12 bulan). Graduan adalah merujuk kepada pelajar yang telah bergraduasi atau konvokesyen pada tahun semasa.

Kaedah Pengukuran:

$$\text{Formula} = \frac{\text{Jumlah graduan yang menjadi usahawan / bekerja sendiri pada tahun semasa}}{\text{Jumlah graduan yang bergraduasi pada tahun semasa}} \times 100\%$$

Dokumen Bukti:

Laporan Unit Keusahawanan.

MISI 1 : MEMPERKASA STRATEGI DAN INISIATIF BAGI MELONJAK POLITEKNIK KOTA KINABALU KE ARAH KECEMERLANGAN BAKAT TVET

| | |
|---|--|
| Matlamat Strategik 1 | Menghasilkan graduan holistik, seimbang dan berciri keusahawanan |
| Objektif Strategik 2 | Menambahbaik ekosistem keusahawanan |
| Keberhasilan | Graduan memiliki ciri-ciri keusahawanan yang berdaya saing |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Unit Keusahawanan (Ketua Unit Keusahawanan) |
| Tanggungjawab Bersama | Jabatan Akademik |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|--|---------------------|------|------|------|------|------|
| 7 | Peratusan pelajar yang menjalankan projek keusahawanan | 15% (tahunan) | 15% | 15% | 15% | 15% | 15% |

Definisi Operasi:

SKU ini merujuk kepada pengumpulan data pelajar semasa yang menjalankan projek keusahawanan atau perniagaan.

Kaedah Pengukuran:

$$\text{Formula} = \frac{\text{Bilangan pelajar menjalankan projek keusahawanan atau perniagaan pada tahun semasa}}{\text{Jumlah pelajar enrol pada tahun semasa}} \times 100\%$$

Dokumen Bukti:

Laporan Unit Keusahawanan.

MISI 1 : MEMPERKASA STRATEGI DAN INISIATIF BAGI MELONJAK POLITEKNIK KOTA KINABALU KE ARAH KECEMERLANGAN BAKAT TVET

| | |
|---|---|
| Matlamat Strategik 1 | Menghasilkan graduan holistik, seimbang dan berciri keusahawanan |
| Objektif Strategik 3 | Membangun graduan TVET warga global |
| Keberhasilan | Graduan berkualiti memiliki nilai-nilai insaniah, berdaya kepimpinan dan beridentiti nasional |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Jabatan Hal Ehwal Pelajar (Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar) |
| Tanggungjawab Bersama | Jabatan Sukan, Kokurikulum & Kebudayaan / Jabatan Akademik |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|---|---------------------|------|------|------|------|------|
| 8 | Peratusan pelajar mencapai kejayaan di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa | 10% (terkumpul) | 5% | 5% | 7% | 7% | 10% |

Definisi Operasi:

SKU ini berdasarkan kepada pencapaian kejayaan merujuk kepada kemenangan / penganugerahan / pensijilan profesional dalam bidang kurikulum atau kokurikulum di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa.

Kaedah Pengukuran:

- Kemenangan / anugerah kecemerlangan pelajar dalam apa-apa pertandingan seperti acara sukan / kemahiran dan lain-lain dengan memperoleh pingat emas / perak / gangsa atau johan / naib johan atau tempat pertama / kedua / ketiga.
- Kejayaan pada setiap pelajar (seorang pelajar bagi satu kemenangan / anugerah). Kejayaan seorang pelajar diambilkira yang tertinggi sahaja dalam kategori / bidang yang sama dalam pelbagai peringkat.
- Sekiranya kejayaan / kemenangan bagi satu kumpulan pelajar maka setiap pelajar dikira sebagai bilangan pelajar yang mencapai kejayaan.

Dokumen Bukti:

- Laporan program; atau,
- Gambar aktiviti.

MISI 1 : MEMPERKASA STRATEGI DAN INISIATIF BAGI MELONJAK POLITEKNIK KOTA KINABALU KE ARAH KECEMERLANGAN BAKAT TVET

| | |
|---|---|
| Matlamat Strategik 1 | Menghasilkan graduan holistik, seimbang dan berciri keusahawanan |
| Objektif Strategik 3 | Membangun graduan TVET warga global |
| Keberhasilan | Graduan berkualiti memiliki nilai-nilai insaniah, berdaya kepimpinan dan beridentiti nasional |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Unit Kesukarelawan (Ketua Unit Kesukarelawan) |
| Tanggungjawab Bersama | Jabatan Hal Ehwal Pelajar / Jabatan Akademik |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|--|---------------------|------|------|------|------|------|
| 9 | Bilangan program sukarelawan pelajar yang melibatkan institusi atau komuniti | 30 (terkumpul) | 6 | 6 | 6 | 6 | 6 |

Definisi Operasi:

SKU ini merujuk kepada:

- i. Program sukarelawan yang disertai oleh pelajar yang memberi impak kepada institusi atau komuniti.
- ii. Program Sukarelawan Perdana yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

Kaedah Pengukuran:

Bilangan program sukarelawan yang dilaksanakan dan disertai oleh pelajar pada tahun semasa.

Dokumen Bukti:

- i. Laporan program; atau,
- ii. Gambar aktiviti.

MISI 1 : MEMPERKASA STRATEGI DAN INISIATIF BAGI MELONJAK POLITEKNIK KOTA KINABALU KE ARAH KECEMERLANGAN BAKAT TVET

| | |
|---|---|
| Matlamat Strategik 1 | Menghasilkan graduan holistik, seimbang dan berciri keusahawanan |
| Objektif Strategik 3 | Membangun graduan TVET warga global |
| Keberhasilan | Graduan berkualiti memiliki nilai-nilai insaniah, berdaya kepimpinan dan beridentiti nasional |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Unit Pengantarabangsaan (Ketua Unit Pengantarabangsaan) |
| Tanggungjawab Bersama | Jabatan Akademik |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|---|---------------------|------|------|------|------|------|
| 10 | Bilangan jaringan / program aktiviti kolaborasi di peringkat antarabangsa | 5 (terkumpul) | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 |

Definisi Operasi:

SKU ini merujuk kepada jaringan kolaborasi antarabangsa dengan institusi pendidikan / syarikat / firma / agensi luar negara merujuk kepada COC / AMM / MOU / MOA dengan agensi / institusi berkenaan.

Kaedah Pengukuran:

Bilangan aktiviti bersama agensi / institusi di peringkat antarabangsa.

Dokumen Bukti:

- i. Salinan dokumen COC / AMM / MOU / MOA; atau,
- ii. Laporan aktiviti.

MISI 1 : MEMPERKASA STRATEGI DAN INISIATIF BAGI MELONJAK POLITEKNIK KOTA KINABALU KE ARAH KECEMERLANGAN BAKAT TVET

| | |
|---|--|
| Matlamat Strategik 2 | Memperkayakan bakat warga TVET |
| Objektif Strategik 4 | Melahirkan warga PKK yang efektif melalui program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensif |
| Keberhasilan | Melahirkan warga PKK yang berkemahiran serta berketrampilan |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan (Ketua Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan) |
| Tanggungjawab Bersama | Jabatan Akademik |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|--|---------------------|------|------|------|------|------|
| 11 | Peratusan pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi yang memiliki kemahiran industri | 35% (tahunan) | 35% | 35% | 35% | 35% | 35% |

Definisi Operasi:

SKU ini merujuk kemahiran industri diukur berdasarkan perkara berikut:

- Pensyarah teras bidang melengkapkan sangkutan industri pensyarah (SIP) sekurang-kurangnya 30 hari dalam tempoh 2 tahun; atau,
- Pensyarah mempunyai kelayakan / Sijil Profesional atau Sijil Industri.
- Bagi Kelayakan / Sijil Profesional atau Sijil Industri adalah diambil kira sijil pengiktirafan yang masih sah tempoh pada tahun semasa.
- Pensyarah teras bidang adalah pensyarah yang ditempatkan di Jabatan Akademik Induk (selain Jabatan Matematik, Sains & Komputer serta Jabatan Pengajian Am) untuk mengajar kursus-kursus teras dalam satu-satu program pengajian.
- Kelayakan Profesional adalah pengiktirafan yang dianugerahkan oleh badan profesional seperti Lembaga Jurutera dan sebagainya.
- Sijil Profesional adalah sijil yang dikeluarkan oleh badan profesional seperti Microsoft, DOSH, PBSM, PADI dan sebagainya.
- Sijil Industri adalah sijil kompetensi khusus yang dikeluarkan oleh industri yang diperakui oleh JPPKK seperti Bombardier, Schneider dan sebagainya.

Kaedah Pengukuran:

$$\text{Formula} = \frac{\text{Jumlah pensyarah kursus teras bidang yang memiliki kemahiran industri pada tahun semasa}}{\text{Reten pengisian perjawatan pensyarah teras bidang pada bulan Januari tahun semasa}} \times 100\%$$

Dokumen Bukti:

- Sijil SIP / Surat Tamat Latihan Sangkutan Industri (LSI); atau,
- Sijil Pengiktirafan yang masih sah tempoh pada 31 Disember tahun semasa.

MISI 1 : MEMPERKASA STRATEGI DAN INISIATIF BAGI MELONJAK POLITEKNIK KOTA KINABALU KE ARAH KECEMERLANGAN BAKAT TVET

| | |
|---|--|
| Matlamat Strategik 2 | Memperkayakan bakat warga TVET |
| Objektif Strategik 4 | Melahirkan warga PKK yang efektif melalui program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensif |
| Keberhasilan | Melahirkan warga PKK yang berkemahiran serta berketrampilan |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Unit Peperiksaan (Ketua Unit Peperiksaan) |
| Tanggungjawab Bersama | Jabatan Akademik |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|---|---------------------|------|------|------|------|------|
| 12 | Bilangan pensyarah yang dilantik sebagai Pensyarah Rujukan Pembinaan Item Penilaian (PRiP) mengikut program pengajian | 10 (terkumpul) | 2 | 2 | 2 | 2 | 2 |

Definisi Operasi:

SKU ini merujuk kepada pensyarah berkemahiran dalam pembinaan item penilaian yang ditauliahkan oleh JPPKK; dilengkapkan dengan kompetensi diperlukan dalam memenuhi syarat am yang ditetapkan seperti berikut:

| SASARAN | PENCAPAIAN |
|---|---|
| <p>Pengetahuan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Outcome Based Education (OBE) <ol style="list-style-type: none"> i. Outcome Based Assessment (OBA) ii. Constructive Alignment (CA) iii. Learning Domain (Cognitive (C), Psychomotor (P), Afective (A)) iv. Taksonomi Analisa Hasil Pembelajaran (CLO PLO) v. CQI (Continuous Quality Improvement) 2. Pembinaan Item Penilaian Berkualiti <ol style="list-style-type: none"> i. Prinsip Penilaian Item ii. Pembinaan Item (dalam mencapai CLO yang disasarkan) iii. Item objektif & subjektif iv. Peraturan pemarkahan (skema permarkahan & rubrik) <p>Nilai, Sikap dan Profesionalisma</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Berpengetahuan luas dalam bidang pengukuran dan penilaian ii. Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas iii. Berkepimpinan, berwibawa serta mengamalkan nilai-nilai murni dan positif | <p>Syarat Am:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tempoh perkhidmatan 5 tahun 2. PPPT Gred 44 dan ke atas 3. Pensyarah bidang ATAU 1. Tempoh perkhidmatan 10 tahun 2. Pensyarah bidang <p>Syarat Khusus:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berkemampuan melaksanakan sesi latihan secara dalam talian 2. Telah memberi latihan dalam bidang berkaitan penilaian |

Kaedah Pengukuran:

Bilangan pensyarah dilantik sebagai Pensyarah Rujukan Pembinaan Item Penilaian (PRiP) mengikut program pengajian yang merujuk kepada kelayakan kompetensi seperti yang dinyatakan pada bahagian Defnisi Operasi dan pembuktian dokumen adalah seperti berikut:

- i. Surat lantikan PRiP oleh JPPKK;
- ii. Surat penyertaan kursus / latihan anjuran Bahagian Peperiksaan & Penilaian (BPN);
- iii. Surat sebagai penceramah pembinaan item penilaian di institusi;
- iv. Laporan maklum balas peserta bengkel di institusi.

Dokumen Bukti:

- i. Surat lantikan PRiP oleh JPPKK; dan,
- ii. Surat penyertaan kursus / latihan anjuran BPN.

MISI 1 : MEMPERKASA STRATEGI DAN INISIATIF BAGI MELONJAK POLITEKNIK KOTA KINABALU KE ARAH KECEMERLANGAN BAKAT TVET

| | |
|---|--|
| Matlamat Strategik 2 | Memperkayakan bakat warga TVET |
| Objektif Strategik 4 | Melahirkan warga PKK yang efektif melalui program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensif |
| Keberhasilan | Melahirkan warga PKK yang berkemahiran serta berketerampilan |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan (Ketua Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan) |
| Tanggungjawab Bersama | Jabatan Akademik |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|--|---------------------|------|------|------|------|------|
| 13 | Bilangan program kepimpinan yang dilaksanakan untuk staf PKK | 8 (terkumpul) | 1 | 1 | 2 | 2 | 2 |

Definisi Operasi:

SKU ini merujuk kepada program kepimpinan yang bertujuan menggilap bakat kepimpinan dan kemahiran pelengkap kepada pelapis pemimpin bagi menerajui sesuatu organisasi yang menekankan ilmu perancangan strategik, tadbir urus, pengurusan kewangan dan perkhidmatan.

Kaedah Pengukuran:

Bilangan program kepimpinan yang dilaksanakan dalam tahun semasa.

Dokumen Bukti:

Laporan program kepimpinan.

MISI 1 : MEMPERKASA STRATEGI DAN INISIATIF BAGI MELONJAK POLITEKNIK KOTA KINABALU KE ARAH KECEMERLANGAN BAKAT TVET

| | |
|---|--|
| Matlamat Strategik 2 | Memperkayakan bakat warga TVET |
| Objektif Strategik 4 | Melahirkan warga PKK yang efektif melalui program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensif |
| Keberhasilan | Melahirkan warga PKK yang berkemahiran serta berketerampilan |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Jabatan Hal Ehwal Pelajar (Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar) |
| Tanggungjawab Bersama | Jabatan Akademik |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|---|---------------------|------|------|------|------|------|
| 14 | Bilangan program kepimpinan yang dilaksanakan untuk pelajar | 10 (terkumpul) | 2 | 2 | 2 | 2 | 2 |

Definisi Operasi:

SKU ini merujuk kepada program kepimpinan pelajar yang bertujuan menggilap bakat kepimpinan, meningkatkan keupayaan dan perkembangan peribadi pelajar sebagai pemimpin muda yang lebih profesional di dalam tadbir urus program, kelab dan organisasi.

Kaedah Pengukuran:

Bilangan program kepimpinan pelajar yang dilaksanakan dalam tahun semasa.

Dokumen Bukti:

Laporan program kepimpinan pelajar.

MISI 1 : MEMPERKASA STRATEGI DAN INISIATIF BAGI MELONJAK POLITEKNIK KOTA KINABALU KE ARAH KECEMERLANGAN BAKAT TVET

| | |
|---|--|
| Matlamat Strategik 2 | Memperkayakan bakat warga TVET |
| Objektif Strategik 4 | Melahirkan warga PKK yang efektif melalui program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensif |
| Keberhasilan | Melahirkan warga PKK yang berkemahiran serta berketerampilan |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Unit Komunikasi Korporat (Ketua Unit Komunikasi Korporat) |
| Tanggungjawab Bersama | Jabatan Akademik |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|--|---------------------|------|------|------|------|------|
| 15 | Bilangan anugerah staf yang mencapai kejayaan / pengiktirafan di peringkat kebangsaan / antarabangsa | 100 (terkumpul) | 20 | 20 | 20 | 20 | 20 |

Definisi Operasi:

SKU ini merujuk kepada pencapaian kejayaan staf merujuk kepada kemenangan / penganugerahan / pensijilan dalam bidang kurikulum atau kokurikulum di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

Kaedah Pengukuran:


Bilangan anugerah yang dimenangi oleh staf dalam tahun semasa.

Dokumen Bukti:

Laporan bergambar / sijil / surat pengiktirafan / media cetak / media sosial dan yang setaraf dengannya.

MISI 2 :

MEMACU PENJENAMAAN SEMULA TVET MENJADI PILIHAN UTAMA



MISI 2 : MEMACU PENJENAMAAN SEMULA TVET MENJADI PILIHAN UTAMA

| | |
|---------------------------------------|--|
| Matlamat Strategik 3 | Menerajui sistem pendidikan abad ke-21 |
| Objektif Strategik 5 | Mentransformasi program pengajian menepati permintaan industri |
| Keberhasilan | Graduan politeknik berkemahiran dan memenuhi permintaan industri |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia (Ketua Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia) |
| Tanggungjawab Bersama | Unit Teknologi Maklumat & Komunikasi |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|--|---------------------|------|------|------|------|------|
| 16 | Bilangan video pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dihasilkan | 170 (terkumpul) | 34 | 34 | 34 | 34 | 34 |

Definisi Operasi:

SKU ini merujuk kepada bahan PdP yang dihasilkan dalam bentuk:

- i. Video PdP atau video 360 yang menepati kualiti dan piawaian dari segi isi kandungan sifibus kursus, diikuti dengan ciri-ciri persembahan ilustrasi yang menarik.
- ii. Video PdP boleh dicapai secara atas talian dan boleh dimuat turun secara percuma oleh semua pengguna di laman sesawang yang disediakan.

Kaedah Pengukuran:

Bilangan video PdP yang dihasilkan iaitu 2 video bagi setiap program bagi Jabatan Akademik dan 2 video bagi setiap Jabatan Sokongan Akademik dalam tahun semasa.

Dokumen Bukti:

Video yang dihasilkan.

MISI 2 : MEMACU PENJENAMAAN SEMULA TVET MENJADI PILIHAN UTAMA

| | |
|---------------------------------------|--|
| Matlamat Strategik 3 | Menerajui sistem pendidikan abad ke-21 |
| Objektif Strategik 5 | Mentransformasi program pengajian menepati permintaan industri |
| Keberhasilan | Graduan politeknik berkemahiran dan memenuhi permintaan industri |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia (Ketua Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia) |
| Tanggungjawab Bersama | Unit Perpustakaan |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|--------------------------------|---------------------|------|------|------|------|------|
| 17 | Bilangan eBook yang dihasilkan | 170 (terkumpul) | 34 | 34 | 34 | 34 | 34 |

Definisi Operasi:

SKU ini merujuk kepada bahan PdP yang dihasilkan dalam bentuk:

- i. eBook yang menepati kualiti dan piawaian dari segi isi kandungan silibus kursus, diikuti dengan ciri-ciri persembahan ilustrasi yang menarik.
- ii. eBook boleh dicapai secara atas talian dan boleh dimuat turun secara percuma oleh semua pengguna di laman sesawang yang disediakan.

Kaedah Pengukuran:

Bilangan eBook yang dihasilkan iaitu 2 eBook bagi setiap program bagi Jabatan Akademik dan 2 eBook bagi setiap Jabatan Sokongan Akademik dalam tahun semasa.

Dokumen Bukti:

eBook yang dihasilkan.

MISI 2 : MEMACU PENJENAMAAN SEMULA TVET MENJADI PILIHAN UTAMA

| | |
|---------------------------------------|--|
| Matlamat Strategik 3 | Menerajui sistem pendidikan abad ke-21 |
| Objektif Strategik 5 | Mentransformasi program pengajian menepati permintaan industri |
| Keberhasilan | Graduan politeknik berkemahiran dan memenuhi permintaan industri |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia (Ketua Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia) |
| Tanggungjawab Bersama | Unit Teknologi Maklumat & Komunikasi / Jabatan Akademik |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|--|---------------------|------|------|------|------|------|
| 18 | Bilangan kursus yang mengaplikasikan pembelajaran secara imersif (<i>immersive learning</i>) | 7 (terkumpul) | - | 1 | 2 | 2 | 2 |

Definisi Operasi:

SKU ini merujuk kepada:

- Pembelajaran secara imersif membolehkan pelajar mencapai hasil pembelajaran dengan menghubungkan pengalaman sebenar di dalam persekitaran / ekosistem industri yang terkawal. Secara tidak langsung akan meningkatkan motivasi pelajar melalui penglibatan '*real virtual*'.
- Suasana pembelajaran bermakna yang mana pelajar terlibat secara aktif dan menghayati kandungan yang dipelajari sama ada dalam konteks simulasi ataupun keadaan sebenar.

Kaedah Pengukuran:

Bilangan kursus yang mengaplikasikan kaedah pembelajaran imersif.

Dokumen Bukti:

Laporan pelaksanaan kursus.

MISI 2 : MEMACU PENJENAMAAN SEMULA TVET MENJADI PILIHAN UTAMA

| | |
|---------------------------------------|--|
| Matlamat Strategik 3 | Menerajui sistem pendidikan abad ke-21 |
| Objektif Strategik 5 | Mentransformasi program pengajian menepati permintaan industri |
| Keberhasilan | Graduan politeknik berkemahiran dan memenuhi permintaan industri |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Jabatan Akademik Induk (Ketua Jabatan) |
| Tanggungjawab Bersama | - |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|---|---------------------|------|------|------|------|------|
| 19 | Peratusan pelajar yang terlibat dengan program kompetensi / kemahiran / profesional / kecekapan yang mendapat pengiktirafan pihak industri / badan profesional. | 5% (tahunan) | 5% | 5% | 5% | 5% | 5% |

Definisi Operasi:

SKU ini merujuk kepada pelajar yang memperolehi sijil kompetensi / kemahiran / profesional / kecekapan yang akan memberi nilai tambah dan meningkatkan keyakinan serta kemahiran pelajar bertujuan mendapat pekerjaan dalam tempoh yang singkat. Sijil tersebut boleh diperolehi dari mana-mana badan yang diiktirafkan sebagai pemberi sijil profesional seperti CIDB.

Kaedah Pengukuran:

$$\text{Formula} = \frac{\text{Bilangan pelajar yang memperolehi sijil kompetensi / kemahiran / profesional / kecekapan pada tahun semasa}}{\text{Jumlah pelajar pada tahun semasa}} \times 100\%$$

Dokumen Bukti:

Salinan sijil-sijil kompetensi / kemahiran / profesional / kecekapan.

MISI 2 : MEMACU PENJENAMAAN SEMULA TVET MENJADI PILIHAN UTAMA

| | |
|---------------------------------------|--|
| Matlamat Strategik 3 | Menerajui sistem pendidikan abad ke-21 |
| Objektif Strategik 5 | Mentransformasi program pengajian menepati permintaan industri |
| Keberhasilan | Graduan politeknik berkemahiran dan memenuhi permintaan industri |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Unit Industri Korporat & Kebolehpasaran (Ketua Unit Industri Korporat & Kebolehpasaran) |
| Tanggungjawab Bersama | Jabatan Akademik Induk |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|---|---------------------|------|------|------|------|------|
| 20 | Bilangan dialog industri yang dilaksanakan dalam tahun semasa | 5 (terkumpul) | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 |

Definisi Operasi:

SKU ini merujuk kepada program dialog bersama industri iaitu organisasi luar selain Politeknik / Kolej Komuniti seperti sektor awam, sektor swasta, NGO, badan profesional termasuk industri / agensi dari luar negara.

Kaedah Pengukuran:

- Bilangan dialog industri yang dilaksanakan dalam tahun semasa.
- Melibatkan sekurang-kurangnya 2 industri bagi setiap program.

Dokumen Bukti:

Laporan program dialog industri.

MISI 2 : MEMACU PENJENAMAAN SEMULA TVET MENJADI PILIHAN UTAMA

| | |
|---------------------------------------|---|
| Matlamat Strategik 3 | Menerajui sistem pendidikan abad ke-21 |
| Objektif Strategik 6 | Meningkatkan keberkesanan mekanisma penyampaian |
| Keberhasilan | Mewujudkan ruang pembelajaran yang berciri kolaboratif dan inovatif |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia (Pegawai e-Learning) |
| Tanggungjawab Bersama | - |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|--------------------------------------|-----------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| 21 | Pencapaian penarafan learning spaces | 5 bintang (terkumpul) | 3 bintang | 3 bintang | 4 bintang | 4 bintang | 5 bintang |

Definisi Operasi:

- SKU ini merujuk kepada *learning space* atau *learning setting* merujuk kepada tetapan fizikal untuk persekitaran pembelajaran, satu ruang di mana pengajaran dan pembelajaran berlaku dengan jayanya melalui penerapan teknologi digital, ruang pembelajaran masa kini yang berpotensi memenuhi paradigma pembelajaran alaf baru, serta keperluan dan harapan generasi pelajar abad ke-21.
- Learning spaces* merujuk kepada *Technology Enabled Collaborative Classroom* (TeCC) yang memenuhi ciri-ciri pendidikan abad ke-21 beserta dengan kelengkapan teknologi pembelajaran dan pengajaran (PdP) terkini.

Kaedah Pengukuran:

Merujuk kepada Jadual Status Jumlah Bintang (5 Star Rating) berikut:

| Skor Markah (%) | Jumlah Bintang |
|-----------------|----------------|
| 61 hingga 100 | 5 bintang |
| 41 hingga 60 | 4 bintang |
| 31 hingga 40 | 3 bintang |
| 21 hingga 30 | 2 bintang |
| 10 hingga 20 | 1 bintang |

Dokumen Bukti:

Sijil pengiktirafan oleh Bahagian Instruksional & Pembelajaran Digital (BIPD), JPPKK.

MISI 2 : MEMACU PENJENAMAAN SEMULA TVET MENJADI PILIHAN UTAMA

| | |
|---------------------------------------|--|
| Matlamat Strategik 3 | Menerajui sistem pendidikan abad ke-21 |
| Objektif Strategik 6 | Meningkatkan keberkesanan mekanisma penyampaian |
| Keberhasilan | Mewujudkan ruang pembelajaran yang berciri kolaboratif dan inovatif |
| Pegawai Bertanggungjawab (PIC) | Unit Teknologi Maklumat & Komunikasi (Ketua Unit Teknologi Maklumat & Komunikasi) |
| Tanggungjawab Bersama | - |

| NO | SASARAN KERJA UTAMA (SKU) | SASARAN KESELURUHAN | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 |
|----|--|---------------------|------|------|------|------|------|
| 22 | Peratusan keluasan liputan rangkaian internet di PKK | 90% (terkumpul) | 75% | 78% | 80% | 82% | 90% |

Definisi Operasi:

- SKU ini merujuk kepada jaringan komputer yang saling terhubung secara global yang membolehkan pengguna internet saling bertukar maklumat/data melalui jaringan tersebut di Politeknik Kota Kinabalu.
